

SEJARAH KETAMADUNAN ISLAM DI BRUNEI

Haneefa Shahrom¹ dan Farrah Wahida Mustafar²

¹Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

²Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka
haneefa@kuim.edu.my

ABSTRAK

Kedatangan para pedagang terutamanya dari negara Arab telah menyebabkan tersebarnya agama Islam di Nusantara walaupun mengikut kajian para sejarawan bahawasanya terdapat perselisihan teori kedatangan Islam di Nusantara. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan sejarah dan ketamadunan Islam di Brunei. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kaedah kualitatif melalui kajian kepustakaan dengan menggunakan bahan-bahan dokumentasi seperti artikel jurnal dan buku-buku. Kajian mendapati penyebaran Islam di Nusantara khususnya di Brunei telah banyak memberi sumbangan yang positif dalam sistem politik, ekonomi, sosial, perundangan dan sebagainya. Masyarakat di Nusantara telah menyambut kedatangan Islam dengan terbuka atas beberapa faktor walaupun mereka pernah dipengaruhi oleh agama Hindu dan Buddha. Sistem Melayu Islam Beraja berjaya menjadikan Brunei Darussalam sebagai salah sebuah empayar Islam yang hebat dan turut menyumbang ke peringkat antarabangsa.

Kata Kunci: Sejarah, Brunei, Islam

History of Islamic Civilization in Brunei

ABSTRACT

The arrival of traders, especially from Arab countries, has led to the spread of Islam in the archipelago, although according to historians, there are disagreements on the theory of the arrival of Islam in the archipelago. This article purposes to discuss the history and civilization of Islam in Brunei. The research method used is a qualitative method through a literature review using documentation materials such as articles and books. The study found that the spread of Islam in the archipelago, especially in Brunei has made many positive contributions in the political, economic, social, legal and other systems. The people in the archipelago have welcomed the arrival of Islam openly due to several factors even though they were once influenced by Hinduism and Buddhism. The Malay Islamic Monarchy

system succeeded in making Brunei Darussalam one of the great Islamic empires and also contributed to the international level.

Keywords: History, Brunei, Islam

Pengenalan

Pada sekitar abad ke-7 M, Hamka menjelaskan bahawa pedagang dari negara Arab telah datang berdakwah dan memainkan peranannya di Kepulauan Melayu (Arba'iyah, 2011). Tidak terkecuali negara Brunei Darussalam yang telah menerima kedatangan Islam sehingga negara tersebut menjadi sebuah negara yang dikenali dengan negara yang tegas dengan pelaksanaan syariat Islam. Berdasarkan Akta Taraf Kebangsaan 1961 menjelaskan bangsa Melayu di Brunei terdiri daripada Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong (Muhammad Hadi, 2014). Orang Melayu di Brunei hidup dengan berasaskan nilai hidup tradisi, adat-istiadat, tata-susila dan ajaran agama Islam.

Negara Brunei Darussalam merupakan sebuah negara yang berkeluasan 2,226 batu persegi bersamaan dengan 5,765 kilometer persegi (<https://ms.wikipedia.org/wiki/Brunei>, 28 November 2021). Negara Brunei dikenali sebagai sebuah institusi beraja tertua di Alam Melayu yang telah wujud sejak abad ke 5 M (Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2015). Negara Brunei terbahagi kepada beberapa daerah iaitu daerah Temburong, daerah Brunei Muara, daerah Tutong dan daerah Belait. Sebelum proses 'pengecilan' negara Brunei ini terjadi, penguasaan kerajaan Brunei pernah menjangkau keluasan sehingga seluruh pulau Kalimantan dan juga kepulauan Filipina. Kejayaan perluasan kawasan pemerintahan ini telah berlaku terutamanya ketika zaman pemerintahan sultan Brunei yang ke-5 iaitu Sultan Bolkiah (Fikria Najtama, 2018).

Terdapat beberapa catatan sejarah yang menyatakan asal nama Brunei. Ia pernah dikenali sebagai Kerajaan Borneo dan kemudian telah bertukar menjadi nama Brunei. Catatan yang berbeza pula menyatakan bahawa Brunei itu berasal daripada perkataan *baru nah* yang terbit daripada suku Sakai yang dipimpin oleh Pateh Berbai (Suddin Bani, 2008). Mereka adalah sekumpulan pedagang dari negara China yang pergi ke Sungai Brunei untuk mencari kawasan yang sesuai untuk dijadikan lokasi penempatan mereka. Lokasi tersebut yang dikelilingi bukit, mempunyai sumber air dan mudah untuk membina sistem pengangkutan, maka mereka tertarik dengan lokasi tersebut dan mengucapkan *baru nah* yang bermaksud tempat itu sangat baik dan sesuai untuk dibina sebuah negeri. Lama kelamaan, perkataan *baru nah* berubah menjadi Brunei. Pemimpin mereka iaitu Pateh Berbai merupakan Pengiran Bendahara pertama Brunei yang juga telah menjadi sultan Brunei yang ke-2 dan dikenali sebagai Sultan Ahmad selepas baginda memeluk agama Islam. Namun begitu, sultan Brunei yang pertama ialah Sultan Muhammad Shah yang dikenali dengan nama Awang Alak Betatar sebelum

memeluk Islam (Mohammad Muslihuddin, 2014). Walau bagaimanapun, penerapan nilai-nilai Islam dikatakan semakin baik ketika dalam zaman pemerintahan sultan Brunei yang ketiga iaitu Sultan Sharif Ali sehingga Brunei menamakan negaranya Darussalam yang bermaksud negara aman dan selamat.

Justeru itu, dengan latar belakang negara Brunei yang sejak sekian lama dipimpin dan diterajui sebagai sebuah negara Islam menjadikan kajian ini perlu diterokai khususnya sejarah Islam dan masyarakat Melayu Brunei yang berpaksikan amalan sistem Melayu Islam Beraja sehingga mampu membentuk sebuah kerajaan yang bertamadun.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah secara kualitatif iaitu dengan merujuk dokumen dan artikel yang berkaitan dengan sejarah dan ketamadunan Islam di Brunei. Bahan-bahan yang berkaitan dengan kajian turut dijadikan sebagai rujukan terutama bermula dari sejarah awal pembentukan negara Brunei sehinggalah amalan pelaksanaan anutan agama Islam dalam kalangan masyarakat di Brunei. Buku terbitan dari negara Brunei juga digunakan bagi mengukuhkan hujah-hujah. Ini adalah kerana dengan merujuk bahan-bahan dari badan rasmi negara Brunei dapat memberi gambaran jelas amalan raja-raja dan masyarakat Brunei. Dengan demikian, teknik pengumpulan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah data kepustakaan secara dokumentasi iaitu melalui menghimpun dan menganalisis dokumen-dokumen yang berkaitan.

SEJARAH MELAYU ISLAM BERAJA DI BRUNEI

Kerajaan Brunei telah ditubuhkan sekitar abad ke-7 atau ke-8. Ketika kerajaan Sriwijaya menakluki Brunei, ia dikenali Vijayapura. Kemudian, Brunei juga dikenali sebagai *Berune* ketika zaman penaklukan kerajaan Majapahit. Selepas melalui fasa penaklukan dan campur tangan pihak Eropah iaitu Inggeris, fasa kemerdekaan bersama-sama negara Malaysia pada 1 Ogos 1957, kemudian negara Brunei mengisytiharkan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 (Awg Asbol, 2014). Sehingga kini, negara Brunei mempunyai 29 orang sultan yang telah memerintah Brunei seperti yang tercatat pada Batu Tarsilah seperti dalam Rajah 1. Batu Tarsilah ialah sebuah artifak sejarah berusia 200 tahun kini terletak di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong yang merupakan sumber primer bernilai yang mencatatkan nama Raja-raja Brunei semasa pemerintahan Islam yang dimulai dengan Sultan Brunei yang pertama iaitu Sultan Muhammad Shah (1363-1402M) hingga Sultan Brunei ke 19 iaitu Sultan Muhammad Tajuddin (1795-1804M) (Abdul Kadir, 2019). Terdapat salasilah nama para sultan Brunei yang dipahat menggunakan tulisan jawi oleh Imam Khatib Haji Abdul Latif semasa pemerintahan Sultan Brunei ke-17 iaitu Sultan Muhammad Alauddin. Melalui Batu Tarsilah ini membuktikan bahawa

konsep Melayu Islam Beraja telah dihayati dan dipraktikkan sejak dari dahulu dan bertahan sehingga kini.



Rajah 1: Batu Tarsilah

KEDATANGAN ISLAM DI BRUNEI

Terdapat pelbagai teori kedatangan Islam ke Brunei sepertimana teori kedatangan Islam di wilayah Nusantara. Kedatangan Islam ke rantau ini telah berlaku sejak abad ke-7 berikutan pembawaan dari para ulama yang majoritinya menjadi pedagang (Arba'iyah Mohd Noor, 2011). Setelah agama Islam dianuti oleh Raja Brunei pada ketika itu, ia telah tersebar luas dalam kalangan penduduk tempatan (Dyg Ummi Fa'izah, 2019). Ia merupakan pola *top-down* iaitu agama Islam dianuti oleh golongan atasan (raja dan pemerintah) terlebih dahulu dan kemudian dianuti oleh golongan bawahan iaitu golongan rakyat. Raja atau sultan Brunei yang pertama yang memeluk Islam ialah Sultan Muhammad Shah.

Pada tahun 1406M, Sultan Muhammad Shah (Sultan Brunei pertama) telah mengadakan lawatan ke negeri Melaka dan Kerajaan Melaka telah mengiktiraf Kesultanan Melayu Islam di Brunei meskipun negara Brunei ketika itu belum cukup dikenali oleh para pedagang Islam kerana mereka lebih tertumpu kepada pelabuhan di Melaka (Dyg Ummi Fa'izah, 2019). Perkembangan Islam di Brunei semakin rancak semasa pemerintahan Sultan Sharif Ali (1425-1432M). Disebabkan faktor keperibadiannya yang disegani, Sultan Ahmad iaitu ayah mertuanya telah melantik beliau menjadi Sultan Brunei yang ketiga. Baginda mengambil pendekatan perkembangan Islam di Madinah sepertimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Baginda mengembangkan syiar Islam di negara Brunei dengan membina masjid dan memperkukuhkan undang-undang mengikut hukum Islam. Lantaran itu, perkembangan dakwah Islamiyah berkembang dengan pesat di sekitar negara Brunei. Baginda juga mengembangkan ajaran Ahli Sunnah

wal Jamaah dan Mazhab Syafi'e di samping mengekalkan adat tradisi masyarakat setempat yang selari dengan syariat Islam.

Terdapat pandangan lain mengatakan bahawa kerajaan Borneo yang kini dikenali sebagai Brunei pernah mengutus seorang pedagang Muslim yang bernama Abu 'Ali ke Istana Cina. Perkara ini berlaku sejak tahun 977M (Muhammad Mustaqim, 2012). Kemudian, tiga orang duta lagi diutus ke Istana Sung dan salah seorang daripada mereka bernama Abu 'Abdullah. Berdasarkan nama-nama utusan daripada Brunei itu jelas menunjukkan bahawa mereka beragama Islam. Namun begitu, tiada sumber yang mengatakan tentang asal usul mereka. Sama ada mereka daripada penduduk bumiputera ataupun pedagang daripada luar iaitu Yaman atau Hadramaut (Fikri Najtama, 2018).

Namun begitu, terdapat versi lain tentang kedatangan Islam ke Brunei menurut seorang pakar Islam orientalis, John L. Esposito dalam sebuah ensiklopedia Oxford (Suddin Bani, 2008) ialah penerimaan Islam oleh masyarakat Brunei berlaku pada abad ke-14 atau ke-15 selepas pemimpin mereka dilantik menjadi Sultan Johor. Dalam hal ini menunjukkan terdapat dua pandangan menerusi sejarawan lokal dan Barat mengenai waktu atau masa kemasukan dan pemelukan Islam oleh masyarakat di Brunei.

SUMBANGAN KEDATANGAN ISLAM

Kedatangan Islam di Brunei telah menyebabkan perubahan terhadap beberapa aspek terutamanya dari sudut pegangan akidah penduduk Brunei ketika itu. Hal ini kerana sebelum kedatangan Islam, mereka telah dipengaruhi oleh agama Buddha dan Hindu kerana Brunei pernah ditakluk oleh kerajaan Sriwijaya dan juga Majapahit (Awang Asbol, 2012). Namun setelah kedatangan Islam, masyarakat Brunei dibebaskan daripada belenggu agama yang menyimpang daripada aqidah yang sebenar.

Sejak kedatangan Islam, penggunaan tulisan Jawi dan Bahasa Arab telah tersebar luas dalam pelbagai aspek kehidupan masyarakat di Brunei. Makam-makam yang diperbuat daripada batu diukir dengan ayat-ayat al-Quran terutamanya pada makam sultan seperti yang terdapat pada makam Sultan Bolkiah (Sultan Brunei ke-5) yang telah dibina oleh Sultan Abdul Kahar (Sultan Brunei ke-6) (Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam, 2015). Selain itu, mata wang 'pitis' yang dikeluarkan semasa pemerintahan Sultan Husin Kamaluddin (Sultan Brunei ke-16) mempunyai ukiran tulisan jawi telah menunjukkan bahawa agama Islam telah semakin kukuh bertapak di Brunei (Siti Badriyah dan Exzayrani, 2015). Satu lembaran atau artifak yang berupa warkah yang masih tersimpan di Library of Congress, di Washington menunjukkan penggunaan tulisan Jawi yang meluas. Warkah tersebut ialah warkah Sultan Muhammad Kanzul Alam yang diutuskan kepada William Farquhar, gabenor British di Singapura ketika itu, untuk mengadakan hubungan diplomasi antara dua negara tersebut pada tahun 1820 (Muhammad Hadi, 2019).

Pengetahuan dan pendidikan tentang ajaran Islam pada peringkat awal, dilakukan secara kecil-kecilan. Kelas fardhu ain dijalankan di rumah masyarakat Brunei yang menerima Islam sebagai panduan hidup mereka. Setelah pembinaan masjid dilakukan pada zaman Sultan Sharif Ali, pendidikan Islam diperluas kepada masyarakat Brunei dengan lebih terbuka. Jika di Malaysia, ia dikenali sebagai sistem pondok manakala di Indonesia pula, ia dikenali sebagai sistem pesantren. Namun, di Brunei ia dikenali sebagai sistem balai kerana kelas-kelas agama banyak dilakukan di balai-balai, surau-surau dan masjid. Pendidikan awal Islam di Brunei juga dijalankan secara tidak formal yang kemudiannya mengalami perubahan ke arah bentuk pendidikan yang lebih formal dan teratur (Awang Asbol, 2007). Sehingga kini, pendidikan Islam telah dijadikan sebagai salah satu mata pelajaran teras yang diterapkan di seluruh sekolah Brunei.

MASYARAKAT ISLAM DI BRUNEI

Masyarakat Islam di Brunei berpegang kepada aliran Ahli Sunnah wal Jamaah dan mengikut mazhab Syafi'i seperti yang disebutkan dalam Akta Majlis Ugama Islam Brunei (Wan Kailan dan Ahmad Zuhdi, 2009). Ahli Sunnah wal Jamaah bermazhab Syafi'i menjadi cara hidup masyarakat Islam di Brunei sepertimana yang tercatat dalam Perlembagaan Negeru Brunei 1959, serta pindaan tahun 2004 dan 2008 (Muhammad Hadi, 2014). Kajian sejarah yang dilakukan dengan teliti telah membuktikan bahawa Ahli Sunnah wal Jamaah (ASWJ) telah lama bertapak di negara Brunei dan telah termaktub dalam MIB (Abd Ghofur, 2015). Ia juga telah diisytiharkan secara rasmi oleh Sultan Brunei. Dalam Silsilah Raja-Raja Brunei ada menyatakan bahawa Brunei memberikan penghormatan yang tinggi kepada para ulama daripada golongan ASWJ (Wan Kailan dan Ahmad Zuhdi, 2009):

“Bermula adapun segala ulama dan mashaikh seperti gelar raja-raja besar juga, dan Imam Hanafi dan Imam Malik dan Imam Ahmad bin Hanbal, Imam Shafi'i, Imam Abu Hasan al-Ash'ari”.

Antara isu dan cabaran bagi masyarakat Islam di Brunei adalah disebabkan Brunei pada peringkat awal telah dipengaruhi oleh agama Buddha dan Hindu, terdapat beberapa budaya daripada agama-agama tersebut yang masih menjadi amalan masyarakat di Brunei walaupun selepas kedatangan Islam. Antaranya ialah isu amalan yoga. Hasil pengaruh melalui pengharaman yoga di Malaysia, maka pihak berkuasa agama Islam di Brunei telah mengambil tindakan untuk mencegah dan menghalang perkara tersebut daripada terus berleluasa. Namun, perkara tersebut mengambil masa yang lama kerana ia telah sebatikan dalam semua aspek kehidupan masyarakat di Brunei. Pihak berkuasa di Brunei sentiasa memberikan perhatian dan pemantauan yang mendalam terhadap segala

perkembangan dari sudut pemikiran, doktrin, ideologi yang berlaku di negara sekeliling.

Badan pelaksana di Brunei ialah Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang merupakan satu badan penasihat tertinggi kepada sultan dalam perihal agama. MUIB sentiasa menjadi panduan dan memberikan pandangan kepada kerajaan Brunei dan Sultan Brunei juga tidak akan memutuskan sesuatu sebelum merujuk MUIB. Ini menunjukkan bahawa MUIB merupakan satu badan institusi yang sangat penting dalam hal ehwal agama Islam sebagai sumber rujukan dan badan penasihat kepada Institusi Melayu Islam Beraja di Brunei. Antara lain, penubuhan agensi ugama seperti Kementerian Hal Ehwal Ugama dan pelaksana sistem pendidikan Islam dan sistem kehakiman dan keugamaan Islam menjadi elemen penting (Muhammad Hadi, 2014) bagi kelangsungan agama Islam di Brunei.

KESIMPULAN

Falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) telah diamalkan di Brunei sejak kedatangan Islam di negara tersebut. Pelbagai teori tentang kedatangan Islam di Nusantara amnya dan di Brunei khususnya seperti kemasukan pedagang-pedagang Islam, kedatangan mubaligh, para sultan yang menerima Islam secara langsung memberi impak kepada rakyat juga menerima Islam dalam hidup mereka dan sebagainya. Masyarakat Islam di Brunei juga mengalami detik-detik penuh cabaran dan dugaan lebih-lebih lagi semasa kedatangan kuasa-kuasa besar Eropah di Nusantara. Walau bagaimanapun, masyarakat Islam di Brunei dan Nusantara telah menjadikan agama Islam sebagai sebuah agama yang utama di rantau ini selaras dengan falsafah MIB. Malah telah wujud pelbagai bentuk bukti pengamalan ajaran Islam dalam kalangan masyarakat Islam di Brunei seperti Batu Tarsilah, makam-makam yang mempunyai tulisan jawi, penggunaan wang bertulisan jawi, warkah bertulisan jawi oleh pemimpin kepada pihak luar bagi urusan rasmi, pendidikan Islam yang diajar bermula secara tidak formal dan sehingga kini telah berlaku pelbagai perubahan di Brunei.

RUJUKAN

- Abd Aziz A'zmi & Farrah Wahida Mustafar. (2020). Keruntuhan Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka Menurut Teori Kitaran Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, 1,1-23.
- Abd Ghofur. (2015). Islam dan politik di Brunei Darussalam (suatu tinjauan sosio-historis). *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Beragama*, 7(1), 53-69.
- Abd Jalil Borham. (2014). Islam di Nusantara. Kolokium Islam Pahang 'Meraikan Ilmu'.
- Abdul Kadir N.C. Mohamad. (2019). Batu Tarsilah: peranan istana sebagai skriptoria salasilah kesultanan Brunei pada abad ke-18 dan 19. *Prosiding Seminar Majlis Ilmu, Brunei Darussalam*, 25-50.

- Ali Mohammad. t.th. Sumbangan Tamadun Islam dalam Kehidupan Masyarakat di Alam Melayu hingga Abad ke-17.
- Arba'iyah Mohd Noor. (2011). Perkembangan pensejarahan Islam di alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6, 29-50.
- Awg Sbol Mail. (2007). Pendidikan agama Islam Brunei Darussalam pramerdeka: pengalaman, transformasi dan cabaran. *Beriga*, 96, 3-24.
- Awg Asbol Mail. (2012). *Sejarah & Persejarahan Brunei: Dinamika Pembentukan & Transformasi*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.
- Awg Asbol Mail & Andi Suwirta. (2018). Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 8(1), 11-26.
- Dyg Fatimah Awang Chuchu & Siti Nurfairuz Mahali. (2014). Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) dalam Pengiklanan.
- Dyg Ummi Fa'izah Abdul Rahman. (2019). Perkembangan Dakwah di Negara Brunei Darussalam – Sorotan Sejarah. *Journal of Islamic, Economics and Development (JISED)*, 4(19), 119-138.
- Fikria Najtama. (2018). Perkembangan Islam di Brunei. *TASAMUH: Jurnal Studi Islam*, 10(2), 407-421.
- Izzuddin al-Jitrawiy. (2020). The Rise of Fallen Kingdom “Keagungan Empayar Nusantara”. Mihas Grafik Sdn. Bhd.
- Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam. (2015). *Sejarah Sultan-Sultan Brunei*. Syarikat Percetakan Juta Jaya Negara Brunei Darussalam.
- Mohammad Muslihuddin Syah Mustafa. (2014). Nilai-nilai Islam dalam sosio-budaya masyarakat Brunei Darussalam. *Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, 1-21.
- Muhammad Hadi MD Melayong. (2014). Melayu Islam Beraja: asas perpaduan hidup bermasyarakat dan bernegara di Brunei Darussalam. *SOSIOHUMANIKA: Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 7(1), 55-64.
- Muhammad Hadi MD Melayong. (2018). Kajian dan Pendidikan Sejarah Asas Pengukuhan Melayu Islam Beraja: Pengalaman Negara Brunei Darussalam. *Proceeding of the International Seminar Trimatra: Exploring and Identifying the Dynamics and Its Challenges of Cultural Transformation*, Surakarta, 21-26.
- Muhammad Hadi MD Melayong. (2019). Warkah Sultan Muhammad Kanzul Alam. Diperoleh dari, <http://www.majlisilmu.gov.bn/Kertas%20Kerja/Kertas%20Kerja%202019/HARI%20PERTAMA/Warkah%20Sultan%20Muhammad%20Kanzul%20Alam.pdf>, dicapai pada 28 November 2021.
- Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. (2012). Satu milenium di Nusantara: tinjauan sosio sejarah. *Konvensyen Wasatiyyah*,
- Siti Badriyah Mohamad Yusof & Exzayrani Sulaiman. (2015). Sikap generasi muda terhadap tulisan jawi: kajian kes pelajar Universiti

- Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 15, 8-16.
- Suddin Bani. (2008). Perkembangan Pendidikan Islam di Brunei Darussalam. *Lentera Pendidikan*, 11(2), 270-283.
- Wan Zailan Kamaruddin Wan Ali & Ahmad Zuhdi Ismail. (2009). Masyarakat Muslim di Negara di Negara Brunei Darussalam: Kajian Mengenai Isu dan Cabaran dalam Pemikiran Islam Era Globalisasi. *Borneo Research Journal*, 1-22.
- Wikipedia Ensiklopedia Bebas. (2021). Brunei. Diperoleh dari, <https://ms.wikipedia.org/wiki/Brunei>, 28 November 2021, dicapai pada 28 November 2021.